

# GENTA EYE DROPS

Gentamicin Sulphate (0.3% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan GENTA
2. Bagaimana GENTA berfungsi
3. Sebelum menggunakan GENTA
4. Cara menggunakan GENTA
5. Semasa menggunakan GENTA
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan GENTA
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan GENTA

GENTA digunakan untuk mencegah dan merawat jangkitan mata (konjunktiva, kornea dan bahagian tepi kelopak mata) yang disebabkan oleh bakteria.

Doktor anda mungkin mempreskripsikan GENTA untuk tujuan lain. Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab GENTA dipreskripsikan kepada anda.

## Bagaimana GENTA berfungsi

GENTA mengandungi bahan aktif yang dinamakan gentamicin. Gentamicin merupakan sejenis antibiotik dan ia membantu membersihkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan GENTA

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan GENTA jika anda alah kepada gentamicin atau sebarang kandungan lain yang disenaraikan pada bahagian akhir risalah ini.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini. Jika anda mengambil ubat ini selepas tarikh luputnya, ia tidak akan berfungsi dengan baik.

Jangan menggunakan GENTA jika pembungkusan koyak atau terdapat tanda salahguna.

### - Sebelum mula mengambil GENTA

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet.

Beritahu dengan doktor anda jika:

- Anda hamil atau bercadang untuk hamil.
- Anda menyusukan anak atau bercadang untuk menyusu.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Penggunaan sulphacetamide (antibiotik) dengan gentamicin

dalam rawatan jangkitan mata adalah tidak digalakkan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil GENTA.

## Cara menggunakan GENTA

Patuh semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa banyak harus digunakan

Titis 1 – 2 titik ubat ke dalam mata yang terjangkit setiap empat jam.

Untuk jangkitan yang serius, dos mungkin akan dinaikkan kepada 2 titis setiap jam.

### - Bila perlu digunakan

Guna ubat anda setiap hari, pada masa yang sama, melainkan doktor anda memberi arahan yang lain.

Penggunaan ubat mata pada masa yang sama setiap hari akan memberi kesan yang terbaik untuk keadaan anda. Ia juga akan membantu anda mengingati masa pengambilan ubat mata anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan GENTA seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa menggunakan ubat anda pada masa yang sepatutnya, ambil ubat anda sebaik sahaja anda ingat.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih menggunakan GENTA, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

**Semasa menggunakan GENTA**

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan GENTA.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan GENTA.

Jika anda rasa jangkitan anda tidak pulih selepas seminggu, jumpa doktor anda untuk mendapatkan nasihat.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan GENTA untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan sentuh hujung penitis kepada mana-mana permukaan.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana GENTA mempengaruhi anda.

Basuh tangan anda dengan kerap (terutamanya selepas menyentuh mata anda) dan jangan berkongsi tuala atau bantal, akan membantu untuk mencegah jangkitan daripada merebak.

**Kesan-sesan sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang keimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan khuatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- Kerengsaan yang ringan
- Tindakbalas hipersensitiviti

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan GENTA**

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan guna selepas ubat ini dibuka selama satu bulan.

Jangan simpan GENTA atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di atas unjur an tapak tingkap atau dalam kereta.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti menggunakan GENTA atau ubat ini sudah melepassi

tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

**Nombor Siri**  
BPFK(R4/1)080416/00104

### **Maklumat lanjut**

– Rupa dan warna produk

GENTA EYE DROPS merupakan cecair jernih, tidak berwarna.

– Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Setiap 1ml GENTA mengandungi 0.3% w/v gentamicin sulphate.

Bahan tidak aktif:

- Sodium chloride
- Disodium edetate
- Sodium acid phosphate
- Disodium hydrogen phosphate
- Benzalkonium chloride
- Air untuk injeksi

– Nombor MAL

MAL19890596AZ

### **Pengilang**

DUOPHARMA (M) SDN.  
BHD. (42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

DUOPHARMA (M) SDN.  
BHD. (42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RIMUP**

11/04/2016